



Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO)  
Urus Setia Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG)  
Tingkat 33, Menara 2, Menara Berkembar Petronas  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603 2034 0000 Faks: +603 2034 0106  
info@khazanah.com.my



## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 4 November 2014

### **GLC MEMPERSIAP SIAGA UNTUK MENAMATKAN PROGRAM DAN MENEROKA MASA HADAPAN**

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, pada mesyuarat Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC ke-27 ("PCG27") pada hari ini menyeru semua Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan ("GLIC") dan Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC") untuk meningkatkan usaha masing-masing ke arah menamatkan Program Transformasi GLC ("Program") dengan 'kepujian' pada tahun depan, iaitu tahun kesepuluh dan penutup bagi Program ini.

Program yang telah dilancarkan secara rasminya pada bulan Julai 2005 ini bertujuan mengubah GLC menjadi entiti berprestasi tinggi, dengan sasaran untuk melahirkan beberapa jaguh serantau menjelang tahun 2015. Semasa mesyuarat tersebut, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa dengan wujudnya jaguh-jaguh atau syarikat-syarikat ikonik di kalangan GLC ini akan membantu ke arah peningkatan pendapatan negara kasar dan melonjakkan Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020.

#### **GLC Mencatat Prestasi Ketara**

Antara tempoh pengumuman Program pada 14 Mei 2004 hingga 31 Oktober 2014, permodalan pasaran G20 telah menokok tiga kali ganda kepada RM435 bilion daripada RM140 bilion, manakala Pulangan Pemegang Saham ("TSR") berkembang 12.9% setiap tahun dalam tempoh yang sama. Sementara itu, keuntungan bersih G20 berkembang pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Berganda ("CAGR") sebanyak 11.1% antara TK2004 hingga TK2013. Hasil daripada prestasi kewangan yang kukuh ini, G20 telah dapat menyumbang RM93 bilion dalam bentuk dividen dan RM57 bilion dalam bentuk cukai dari TK2004 hingga TK2013, yang telah memberi manfaat kepada rakyat Malaysia, secara langsung dan tidak langsung.

#### **Agenda Pemeraksanaan Bumiputera serta Rangkaian Tindak Balas dan Bantuan Bencana GLC**

GLIC dan G20 secara berterusan telah melaksanakan Indeks Prestasi Utama ("KPI") bagi Agenda Pemeraksanaan Bumiputera ("BEA") masing-masing, yang mana pencapaiannya telah dilaporkan kepada YAB Perdana Menteri pada mesyuarat PCG27. Pelaksanaan BEA kekal sebagai inisiatif yang sangat penting bagi tujuan memprofesionalkan serta mengoperasikan Agenda Bumiputera yang lebih luas di negara ini, dalam kaedah yang mesra-pasaran, berasaskan merit serta telus, bagi menggalakkan keterangkuman dan kesaksamaan untuk kestabilan jangka panjang dan pertumbuhan negara. Secara keseluruhannya, GLIC dan G20 berada pada landasan yang betul untuk mencapai KPI yang ditetapkan bagi pelaksanaan inisiatif BEA masing-masing pada 2014.

Sementara itu, Rangkaian Tindak Balas dan Bantuan Bencana ("GDRRN") telah dilancarkan pada PCG27. GDRRN diwujudkan bagi membolehkan G20 menyokong usaha Kerajaan membantu golongan mangsa yang terjejas akibat bencana alam dengan menyediakan perkhidmatan dan bekalan bantuan bencana dalam tempoh yang ditetapkan dan secara tersusun.



Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO)  
Urus Setia Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG)  
Tingkat 33, Menara 2, Menara Berkembar Petronas  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603 2034 0000 Faks: +603 2034 0106  
info@khazanah.com.my



## Melangkah ke hadapan

Untuk menandakan tamatnya Program, 'Hari Terbuka GLC' akan dianjurkan pada 2015 dengan tujuan untuk berkongsi dengan orang ramai tentang prestasi, pengalaman serta hasil yang dicapai sepanjang Program 10 tahun ini.

Semasa PCG27, GLIC dan G20 turut diminta untuk mengekalkan prestasi tinggi dan seterusnya menumpukan usaha ke arah mencapai Wawasan 2020 setelah tamatnya Program ini kelak.

Mesyuarat PCG27 telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali bin Hamsa; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah; barisan pegawai kanan Kementerian Kewangan, dan ketua-ketua GLIC serta Pengerusi dan CEO G20.

## TAMAT

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi, Mohd Raslan Md Sharif di talian +603 2034 0000 atau melalui e-mel di [raslan.sharif@khazanah.com.my](mailto:raslan.sharif@khazanah.com.my).



Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO)  
Urus Setia Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG)  
Tingkat 33, Menara 2, Menara Berkembar Petronas  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603 2034 0000 Faks: +603 2034 0106  
info@khazanah.com.my



## Tentang Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (“PCG”)

Program Transformasi GLC (“Program GLCT”) telah diumumkan pada 14 Mei 2004 dan dilancarkan secara rasminya pada 29 Julai 2005. PCG telah ditubuhkan pada Januari 2005 sebagai jawatankuasa pemandu yang memacu usaha mentransformasi GLC menjadi organisasi berprestasi tinggi. PCG dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil daripada Menteri Kewangan Diperbadankan dan Pejabat Perdana Menteri serta ketua-ketua Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (“GLIC”) iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji dan Permodalan Nasional Berhad. Selaku urus setia PCG, Khazanah menguruskan pelaksanaan Program GLCT. Sekretariat kepada PCG, Pejabat Pengurusan Transformasi (“TMO”) telah diwujudkan di Khazanah dan dipertanggungjawabkan untuk mengurus pelaksanaan Program GLCT.

### Senarai terkini anggota G-20

1. Affin Holdings Berhad
2. Axiata Group Berhad
3. BIMB Holdings Berhad
4. Boustead Holdings Berhad
5. Chemical Company of Malaysia Berhad
6. CIMB Group Berhad
7. Malayan Banking Berhad
8. Malaysia Airports Holdings Berhad
9. Malaysian Airline System Berhad
10. Malaysian Building Society Berhad
11. Malaysian Resources Corporation Berhad
12. Sime Darby Berhad
13. Telekom Malaysia Berhad
14. Tenaga Nasional Berhad
15. TH Plantations Berhad
16. UEM Group Berhad
17. UMW Holdings Berhad